



15 NOV, 2022

GSPARX pasang solar fotovoltaiik atas bumbung 14 premis Felda

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

GSPARX pasang solar fotovoltaiik atas bumbung 14 premis Felda

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) menjalin kerjasama dalam teknologi hijau.

Melalui Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (Sare), GSPARX memasang sistem solar fotovoltaiik atas bumbung di 14 premis kepunyaan Felda di Semenanjung Malaysia, dengan kapasiti berjumlah 1.6 MWp.

Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A Rahman berkata, inisiatif teknologi hijau itu bakal mempertingkatkan impak pembangunan mesra alam dan kesejahteraan sejagat sejajar komitmen TNB terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

“Perjanjian ini merangkumi solusi tenaga pintar lain seperti *Green Electricity Ta-*



Perjanjian ini merangkumi solusi tenaga pintar lain seperti GET apabila kuota tersedia, seterusnya aspek kecekapan tenaga dan EMS dalam mengurangkan pelepasan karbon”

Kamal Arifin

riff (GET) apabila kuota tersedia, seterusnya aspek kecekapan tenaga dan sistem pemantauan tenaga (EMS – Energy Monitoring System) dalam mengurangkan pelepasan karbon,” katanya.

Pemasangan panel solar fotovoltaiik itu merangkumi pelbagai bangunan termasuk Menara Felda, Institut

Semarak Felda serta pejabat wilayah di negeri Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Menurutnya, kerja pemasangan dijadualkan siap pada Mei 2023 dan inisiatif beralih kepada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) ini membolehkan Felda menikmati anggaran penjimatan bil elektrik RM10.74 juta untuk tempoh 20 tahun perjanjian.

Beliau berkata, ia sejajar aspirasi nasional menuju negara neutral karbon menjelang 2050 apabila inisiatif itu mampu mengurangkan 1,321 tan metrik karbon dioksida setiap tahun.

Serentak itu, ia juga manifestasi pemeraksanaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) oleh Felda sebagai agensi berteraskan perladangan dan mobiliti sosial.